

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Banyak aspek yang perlu dilakukan untuk _____ kemasukan pelancong dari Asia Barat.
 A tertarik
 B menarik
 C penarikan
 D bertarik-tarikan
- 2 Negara Malaysia sesuai sebagai destinasi pelancongan kesihatan _____ terdapat banyak pusat perubatan yang lengkap dengan peralatan canggih.
 A agar
 B sebab
 C kerana
 D semoga

Soalan 3 – 4

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 3 Gua Niah menjadi destinasi pelancongan kerana merupakan sebuah gua yang terbesar sekali di Malaysia. Tiada kesalahan.
 A
 B
 C
 D
- 4 Rakyat Malaysia digalakkan melancong di dalam negara bagi menghayati keindahan alam semulajadi dan mengurangkan aliran tunai ke luar negara. Tiada kesalahan.
 A
 B
 C
 D

Soalan 5 – 6

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 5 Selain daripada menyediakan tempat penginapan, inap desa yang diusahakan oleh Liza juga menyediakan rombongan lawatan untuk pelancong.
 A Selain tempat menyediakan penginapan
 B Selain menyediakan tempat penginapan
 C Selain dari menyediakan tempat penginapan
 D Selain daripada menyediakan tempat penginapan
- 6 Hayati akan memperbesarkan lagi inap desanya bagi menampung bilangan pengunjung yang semakin banyak.
 A memperbesar inap desanya
 B memperbesar inap desanya lagi
 C memperbesarkan inap desanya lagi
 D memperbesarkan lagi inap desanya

Soalan 7

Pilih maksud peribahasa yang paling sesuai.

- 7 Peribahasa jauh perjalanan, luas pengalaman membawa maksud
 A semakin jauh kita menjelajah, semakin dalam dan luas pemikiran kita
 B mendapat sesuatu pengetahuan dengan berjalan jauh
 C memperoleh hasil dengan merantau ke tempat lain
 D mencapai sesuatu yang dihayati dengan mudah